

BERITA KIMIA

Jabatan Kimia, Fakulti Sains
Keluaran November 2019

e-ISSN: 2637-014X
<http://science.utm.my/chemistry/>

Warga Kerja Berita Kimia

Ketua Editor:

PM Dr Shajarahtunnur Jamil

Editor Bersama:

- Dr Siti Aminah Setu
- Dr Khairil Juhanni Abd Karim
- Dr Mohd Fuad Mohamad
- Dr Nurrulhidayah Salamun
- Pn Nurul Hajar Sapiren
- Pn Nur Niqmah Musa
- En. Muhammad Hafizuddin Mokhtar

Terima kasih atas sokongan dan sumbangan info yang diberikan oleh semua yang terlibat.

Majlis Konvokesyen UTM Kali ke-63

Majlis Konvokesyen Universiti Teknologi Malaysia yang kali ke-63 telah berlangsung pada 2 hingga 5 November 2019. Tahniah diucapkan kepada semua graduan Fakulti Sains khususnya graduan daripada Jabatan Kimia. Selari dengan Majlis Konvokesyen UTM kali ke-63, satu Majlis Penyampaian Anugerah Dekan dan Hadiah Akademik Fakulti Sains telah diadakan pada 3 November 2019. Berikut adalah senarai penerima anugerah:

Anugerah Dekan Program Sarjana Muda (Kimia)

- | | |
|----------------------------|-----------------------|
| • Lim Shuh Xine | • Norzulfika Amit |
| • Lim Yen Yee | • Nurul Izzati Hamdan |
| • Monisha Devi A/P Muragan | • Teo Hwee Li |

Anugerah Dekan Program Sarjana Muda (Kimia Industri)

- | | |
|----------------------------|------------------|
| • Hew Siew Ni | • Pang Siew Woon |
| • Isaiah Cheong Yang Sheng | • Ray Georgeny |
| • Liyana Aqilah Abd Karim | • Tan Jun Hao |
| • Ng Jia Jia | • Teng Chin Chai |

Anugerah Hadiah Akademik Fakulti Sains

- Nurul Izzati Hamdan (Kimia)
- Teng Chin Chai (Kimia Industri)

Anugerah Akademik Institut Kimia Malaysia Cawangan Selatan

- Teo Hwee Li



Sekalung tahniah juga diucapkan kepada Dr Mohd Hayrie bin Mohd Hatta yang telah menerima **Anugerah Pelajar Terbaik untuk Program Pascasiswazah (PhD)**. Dr Hayrie adalah di bawah penyeliaan PM Dr Lee Siew Ling.

Tahniah Dr Juan Matmin!



Dr Juan Matmin telah memenangi hadiah utama bagi kategori Science Education Award (SEA) daripada Malaysia Toray Science Foundation (MTSF) 2019. Hasil kit produk "Visualisation of pH Changes Using pH Raspberry Kit" yang dibangunkan bersama penyelidik UiTM, Dr Salizatul Ilyana Ibrahim dan Cik Hikamah Seth serta penyelidik UTeM, En. Tarmizi Izzudin, telah berjaya menambat hati panel hakim sekaligus memenangi hadiah utama untuk tahun 2019. Majlis penyampaian hadiah telah berlangsung di Intercontinental Hotel, Kuala Lumpur, pada 25 November 2019 yang turut dihadiri Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) YB Puan Bee Yin dan Duta Khas Jepun ke Malaysia His Excellency Mr Hiroshi Oka.

Bengkel & Seminar

6 & 7 Nov: Bengkel Latihan Penggunaan Alat Voltammetri

Satu bengkel latihan penggunaan alat voltammetri telah berlangsung di Jabatan Kimia pada 6 dan 7 November 2019. Latihan ini telah diberikan secara langsung oleh wakil daripada Syarikat Metrohm (Malaysia) Sdn Bhd. Bengkel ini telah disertai oleh staf akademik termasuk Dr Faizuan Abdullah dan En. Hashim Baharin; Penolong Pegawai Sains dan Pembantu Makmal termasuk En. Fuaad Omar, Puan Mariam Hassan, Puan Hazelinda Mohd Maslan, En. Mohamed Mohd Salleh dan En. Mohd Faizz Mohamad Fuad dan pelajar ijazah Sarjana Muda Kimia Industri tahun akhir Nur Ain Nadirah Abdullah.



11, 13, 18-20 Nov: Bengkel Pengenalan HPLC

Bengkel pengenalan alat *High Performance Liquid Chromatography* (HPLC) kepada pelajar tahun 2 Jabatan Kimia telah dikendalikan oleh Puan Ramlah Hussein. Bengkel berkenaan telah berlangsung di Makmal Instrumentasi, C10, Fakulti Sains.



13 Nov: Taklimat Pembantu Pengerusi Viva

Taklimat Pembantu Pengerusi VIVA telah diadakan di Bilik Mesyuarat T05. Taklimat telah disampaikan oleh Timbalan Dekan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar Fakulti Sains, Prof. Dr. Fadhilah Yusof kepada pensyarah akademik baharu. Antara yang hadir adlah Dr. Mohamad Shazwan Shah Jamil dan Dr. Faizuan Abdullah.



19 Nov: Bengkel Penilaian Kertas Soalan Peperiksaan Akhir Sem I Sesi 2019/2020

Semua staf akademik Jabatan Kimia mengikut panel bidang telah terlibat dalam Bengkel Penilaian Kertas Soalan Peperiksaan Akhir Semester I untuk sesi 2019/2020. Bengkel ini bagi memastikan kualiti soalan mengikut *Course Information* (CI) yang dirancang. Pembetulan perlu dibuat oleh penyelaras kursus masing-masing serta disahkan oleh Ketua Penilai sebelum diserahkan ke Pejabat Pengarah sebelum atau pada 2 Disember 2019.



20 Nov: Pra Bengkel ETP Baru



PM Dr Shajarahtunnur Jamil telah mengikuti Pra Bengkel ETP Baru yang telah berlangsung pada 20 November 2019 bertempat di UTM Talent Transformation Centre, UTM JB. Pra Bengkel ini diadakan berdasarkan penjenamaan semula 5ETP dan penambahbaikan program berimpak tinggi.

21 & 28 Nov: MyRoadMap 7 Habits

MODUL PROGRAM AMALAN 7 HABITS DALAM PENDIDIKAN UNIVERSITI



BAHAGIAN 1

21 November 2018

ANJAKAN PARADIGMA

HABIT 1 BE PROACTIVE

HABIT 2 BEGIN WITH THE END IN MIND

HABIT 3 PUT FIRST THINGS FIRST

BAHAGIAN 2

28 November 2018

HABIT 4 THINK WIN-WIN

HABIT 5 SEEK FIRST TO UNDERSTAND, THEN TO BE UNDERSTOOD

HABIT 6 SYNERGIZE

HABIT 7 SHARPEN THE SAW

Jabatan Kimia telah menganjurkan program bengkel '7 Habits' bersama pelajar tahun satu selaras dengan perancangan program MyRoadmap Fakulti Sains. Bengkel tersebut diadakan secara 2 bahagian pada 21 November dan 28 November 2019. Bengkel ini bertujuan memberikan teori dan praktikal kepada pelajar dalam membina tabiat mengurus diri dan masa depan serta menjaga hubungan dengan orang lain dalam membantu mencapai cita-cita, terutamanya semasa mereka berada di universiti.

Bengkel tersebut melibatkan fasilitator yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Pembangunan Pelajar (JKPP) Fakulti dan Penasihat Akademik pelajar tahun satu. Bagi melestarikan keberkesanan program, Penasihat Akademik dan Pensyarah pelajar tahun pertama diharapkan dapat membuat refleksi '7 Habits' semasa sesi pertemuan dengan pelajar yang seterusnya. Tahniah diucapkan kepada semua fasilitator dan Penasihat Akademik (PA) tahun 1 terlibat: En. Hashim Baharin, Dr Norazah Basar, Dr Naji Arafat Mahat, Dr Siti Aminah Setu, Dr Siti Ernleyanti Hashim, Dr Mohd Bakri Bakar, Dr Khairil Juhanni Abd Karim, Dr Juan Matmin, Dr Rohul Hayat Adnan dan Dr Mohamad Shazwan Shah Jamil

26 Nov: Science Seminar Series 23



Faculty of Science Science Seminar Series 23

"**Avoiding secondary pollution while depolluting wastewater:
Electrochemistry of post-treated wastewater**"

26th November 2019 (Tuesday), 2.30pm-3.30pm

Lecture Hall 1(DK1), Block C17

Faculty of Science, UTM

Dr. Akmali Bin Mokhter
(Department of Chemistry, Faculty of Science UTM)

https://www.facebook.com/FakultiSainsUTM/

26 & 27 Nov: Bengkel Semakan Semula MS 2200-1:2008 (BM)

PM Dr Zaiton Abd Majid telah menghadiri Bengkel Semakan Semula MS 2200-1:2008 (BM) – Barang Gunaan Islam – Bahagian 1: Kosmetik dan Dandan Diri – Garis Panduan Umum. Bengkel yang berlangsung selama 2 hari ini telah berlangsung di Hotel Sama-Sama KLIA.

KURSUS

BASIC PRINCIPLES OF INDUSTRIAL HYGIENE

27 & 28 NOVEMBER 2019 (RABU & KHAMIS)

8:30 PAGI – 4:30 PETANG

**DEWAN UTAMA, UTM TALENT TRANSFORMATION CENTRE
UTM JB**



Penceramah :
Dr. Mohamad Azli Ahmad

Anjuran :
Seksyen Pembangunan Bakat
Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendataan

27 & 28 Nov

Staf terlibat adalah Dr Mohd Fuad Mohamad dan Dr Mohd Akmali Mokhter.

26 Nov: Workshop on How to Pitch Your Research Proposal



Satu perkongsian *How to Pitch Your Research Proposal* oleh Dr Che Rozid Mamat telah berlangsung pada 26 November 2019. Bengkel ini telah dihadiri oleh pelajar tahun 4 Jabatan Kimia sebagai persediaan mereka membentang kertas cadangan Projek Sarjana Muda semasa Program 3 Minutes Proposal (3MP) yang bakal berlangsung pada 3 Disember 2019.

Aktiviti & Pergerakan Staf

2 - 5 Nov: Dr Lee Sebagai Penceramah Jemputan

PM Dr Lee Siew Ling telah dijemput sebagai Penceramah Jemputan di *2nd International Conference on Chemistry and Material Science* (IC2MS 2019) yang telah diadakan pada 2 hingga 5 November 2019 bertempat di Universitas Ma Chung, Malang (UJI). Dr Lee telah membentangkan kajian yang bertajuk *Hydrothermal Synthesis of Titanium Dioxide Nanotube Using Methylamine for Photodegradation of Congo Red*.

4 & 6 Nov: Kursus di UTMLead

Dr Norazah Basar telah menghadiri kursus anjuran UTMLead pada 4 dan 6 November 2019. Dua kursus yang berlangsung di Blok F54, UTM adalah *Alternative Assessment Course* dan *Designing Learning and Teaching Environment based on Innovative Pedagogies: Heutogogy and Peerogogy*.



5 Nov: Majlis Perpisahan Cik Siti Najwa Ghazali

Majlis perpisahan pelajar latihan industri Cik Siti Najwa Najihah Binti Ghazali dari Universiti Brunei Darussalam telah diadakan pada 5 Nov 2019. Beliau telah ditempatkan di Pusat Perkhidmatan Analisis (PPA) dari 6 Ogos sehingga 7 November 2019 untuk menjalankan latihan industri dan juga merupakan pelajar dalam program NGS di UTM. Kami di PPA mengucapkan selamat maju jaya kepada beliau dan semoga segala pengalaman yang ditimba di PPA dapat dimanfaatkan di masa hadapan.



6 Nov: Majlis Penutup Mentor-Mentee STEM 2019

Majlis penutup program Mentor-Mentee STEM 2019 telah dianjurkan pada 6 November 2019. Majlis tersebut telah dihadiri oleh Dekan Fakulti Sains, Prof. Dr. Abdull Rahim Mohd Yusoff bersama Tuan Haji Zulkapli Ayob yang merupakan Ketua Penolong Pengarah Sains Dan Matematik Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Prof Madya Dr. Zaiton Abdul Majid sebagai penyelaras program. Majlis turut disertai oleh pensyarah Jabatan Kimia yang terlibat iaitu Dr. Siti Aminah Setu, Dr. Akmal Mokhter, Dr. Faizuan Abdullah dan Dr. Mohd Bakri Bakar.



Program Mentor-Mentee STEM peringkat negeri Johor telah berjaya dilaksanakan melalui sinergi antara Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang diwakili oleh Fakulti Sains dan Sekolah Kejuruteraan Awam, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan SMK Taman Nusa Jaya, serta disokong oleh National STEM Movement dan American Chemical Society Malaysia Chapter.

10 - 17 Nov: Program Orientasi Staf Makmal



Program orientasi staf makmal telah dianjurkan oleh Pusat Pengurusan Makmal Universiti (PPMU). Antara pengisian program ini adalah pengenalan mengenai universiti dan makmal di UTM, penyelenggaraan makmal, pengurusan bahan kimia, kesatuan dan laluan kerjaya staf makmal, pengurusan kualiti makmal dan prosedur keselamatan makmal. Staf Jabatan Kimia terlibat adalah En Muhammad Hafizuddin Mokhtar, Pn Nur Niqmah Musa dan Pn Masitah Mohamad.

11 - 13 Nov: Penceramah Jemputan di ICSSST 2019

Dr Juan Matmin dan Dr Fazira Ilyana Abdul Razak telah dijemput sebagai Penceramah Jemputan di *7th International Conference on Solid State Science and Technology* (ICSSST 2019) yang telah diadakan pada 11 hingga 13 November 2019 bertempat di The Everly Hotel, Putrajaya. Persidangan ini adalah anjuran bersama Persatuan Sains dan Teknologi Keadaan Pepejal Malaysia (MASS) dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). Dr Juan dan Dr Fazira juga telah diberi penghormatan untuk memperkenalkan sesi selari ketika persidangan tersebut.

10 & 11 Nov: Program STEM Fakulti Sains UTM

Fakulti Sains telah menerima kunjungan lawatan dari SMK Dato' Syed Esa, Batu Pahat, Johor. Seramai 49 orang pelajar yang terdiri daripada 22 pelajar Sains Tulen dan 27 pelajar Sains Agama telah terlibat dalam Program STEM Fakulti Sains. Mereka diiringi oleh 6 orang guru dari SMK Dato' Syed Esa. Staf jabatan yang terlibat adalah Dr Siti Aminah Setu, Dr Norazah Basar, En Fuaad Omar, Pn Hazelinda Mohd Maslan, Cik Siti Mariam Abdul Lathiff, Pn Rafeza Mat Emrin, En Mohd Azidy Abdull Aziz, dan Cik Norshahira Mohd Rozi.

11 - 13 Nov: Pembentangan Lisan di SAES 2019

Empat orang pensyarah daripada Jabatan Kimia - Dr Sheela Chandren, Dr Mohd Akmali Mokhter, Dr Nurul Hidayah Salamun, dan Dr Siti Erneyanti Hashim telah menghadiri dan membuat pembentangan secara lisan di *International Symposium on Applied Engineering 2019* (SAES2019) yang dianjurkan oleh UPM dengan kerjasama Kyushu Institute of Technology (Kyutech).



12 Nov: Sembang Santai



Sembang Santai Bersama Staf Akademik Baharu telah berlangsung pada 12 November 2019 bertempat di Dewan Utama UTMLead, Blok 54, UTM JB. Sembang santai yang membincangkan isu-isu integriti di kalangan staf akademik telah dihadiri oleh dua orang staf Jabatan Kimia: Dr Mohd Fuad Mohamad dan Dr Faizuan Abdullah.

12 Nov: Bakes UTM Staf Games

Tahniah kepada semua peserta olahraga Fakulti Sains sempena Bakes UTM Staf Games. Staf terlibat Pn Suhani Md Tah (memenangi gangsa untuk acara lontar peluru) dan En Mohd Amin Derani (acara lontar peluru).



12 Nov: Faculty Science (FS) Green Day



Fakulti Sains telah menganjurkan Faculty of Science (FS) Green Day pada 12 November 2019. Program ini adalah bertujuan untuk mempromosikan gaya hidup lestari dan hijau kepada warga UTM umumnya dan warga Fakulti Sains khususnya. Antara aktiviti yang telah dianjurkan ialah Walk With Dean (berjalan sekitar Lingkaran Ilmu UTM sambil mengutip sampah yang boleh dikitar semula), Stesen Barang Kitar Semula, Jualan Barang Terpakai dan Preloved, Permainan Lestari (PESAT), Bengkel Baja Kompos, dan jualan food trucks dgn tema tiada plastik sekali guna. Antara staf akademik Jabatan Kimia yang terlibat ialah Dr. Faizuan Abdullah, Dr Mohd Bakri bakar dan Dr. Siti Ernleyanti Hashim.

14 Nov: Program Town Hall Fakulti Sains

Fakulti Sains telah menganjurkan satu program dialog awam 'townhall' secara bersemuka bersama warga Fakulti termasuk daripada Jabatan Kimia. Secara khusus, program ini bertujuan mengenalpasti kekuatan Fakulti berdasarkan pencapaian semasa serta mendapatkan maklum balas bagi persediaan menjelang tahun 2020. Seterusnya idea baharu juga dibincangkan bagi melonjakkan prestasi Fakulti dalam jangka masa panjang sehingga ke tahun 2025. Inisiatif ini juga adalah bertepatan dengan Pelan Global UTM Fasa Ketiga yang akan tamat pada tahun 2020 serta perancangan strategik enVision UTM 2025.



19 Nov: PSM 2019/2020 Sampling di Pasir Gudang

Pelajar tahun 4 yang terlibat dalam kajian Pasir Gudang untuk Projek Sarjana Muda (PSM) 2019/2020 telah terlibat dalam satu sesi pensampelan di Sungai Kim-Kim, Pasir Gudang. Sesi pensampelan ini termasuk mengambil sampel air sungai, tanah, dan juga tumbuh-tumbuhan di dalam sungai berkenaan. Pensyarah yang terlibat daripada Jabatan Kimia ialah Dr Faizuan Abdullah dan Dr Hasmerya Maarof. Turut menyertai sesi pensampelan ini adalah pelajar-pelajar dan pensyarah-pensyarah dari Jabatan Biosains, Fakulti Sains UTM



19 Nov: Pembentangan di KPM

Prof. Dr. Abdull Rahim Mohd Yusoff dan Dr. Faizuan Abdullah telah terlibat dalam satu sesi pembentangan berkenaan *Cadangan Kajian Bagi Menangani Bencana Industri Di Sekolah-Sekolah Pasir Gudang* kepada Ketua Pengarah Pengajian Tinggi di Kementerian Pelajaran Malaysia, Putrajaya. Turut terlibat adalah pensyarah-pensyarah dari Resource Sustainability Research Alliance dan juga pensyarah-pensyarah dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pasir Gudang.

19 & 26 Nov: Program Pembangunan dan Pemberdayaan Komuniti Lestari

Pada 19 November 2019 telah diadakan penerangan dan perbincangan di antara pihak UTM bersama-sama Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), Pejabat Pendidikan Pasir Gudang, Yang Dipertua Sekolah Kebangsaan Taman Rinting 1, Ketua Kampung Kuala Masai, Pengurus AJK Masjid, Pengurus Yayasan Pencegahan Jenayah Seri Alam, Guru Besar dan guru-guru SK Taman Rinting 1 bagi melaksanakan program pembangunan dan pemberdayaan komuniti lestari. Kelangsungan daripada perbincangan tersebut, program pembangunan dan pemberdayaan komuniti lestari telah berjaya direalisasikan pada 26 November 2019.



Seramai 64 orang pelajar UTM di bawah kursus UKQA/UKQF 2092 terlibat dengan program pembelajaran servis ini bersama komuniti yang terlibat terdiri daripada guru sekitar Taman Rinting 1, AJK Masjid Taman Rinting, AJK Penduduk Zon Taman Rinting 1, Ahli MPPG dan pelajar sekolah. Program ini bertujuan untuk memperkayakan pembelajaran sains bertemakan modul kelestarian agar dapat membantu pembudayaan amalan kelestarian bermula dari peringkat sekolah. Staf terlibat PM Dr Razali Ismail, Dr Norazah Basar, Dr Che Rozid Mamat, dan Dr Rohul Hayat Adnan.



27 Nov: Pemeriksa Luar Viva

Dr. Fazira Ilyana Abd Razak telah hadir sebagai pemeriksa luar bagi sesi viva pelajar Sarjana Kimia di Fakulti Sains Gunaan, UiTM Shah Alam.



Hebahan

Save the Date

3MP
PRESENTS TO YOU

THREE MINUTES PROPOSAL

Workshop on How to Pitch Your Research Proposal
TUESDAY | 26 NOV 2019 | DK1

Three Minutes Proposal Expo Day
TUESDAY | 3 DEC 2019 | C10 LEVEL 1

follow us for further information
3MP MYROADMAP [f](#)

Selamat Hari Lahir:

- PM Dr Azli Sulaiman